

UMSKAL jalin kerjasama dengan Universiti Wolvehampton

UB 1.11.2013 B3

UNIVERSITI Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan mengadakan kerjasama dengan Universiti Wolvehampton, United Kingdom pada masa akan datang.

Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal berkata kerjasama itu akan membabitkan pensyarah dan pelajar kedua-dua universiti terutama dari Sekolah Perniagaan dan Kewangan

Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Katanya kemahiran dan kepakaran pensyarah kedua-dua universiti akan dikerah bagi memastikan hasrat meningkatkan bidang akademik ke peringkat lebih tinggi akan tercapai.

Beliau yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, berharap pensyarah UMSKAL akan mengambil ruang dan peluang yang terhidang



IAN (empat kanan), **Jo Gittens** (tiga kiri) dan **Geoffrey** (empat kiri) bersama ketua-ketua program SPKAL dan SSIL.

ini untuk meningkatkan kerjaya mereka serta mengharumkan nama universiti ke persada antarabangsa.

“Pelbagai bidang kita bincangkan bagi menjalin kerjasama erat antara kedua-dua universiti. Ini merupakan peluang terbaik kepada UMSKAL untuk meneroka bidang

pendidikan di peringkat antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan perbincangan dengan Timbalan Naib Canselor, Universiti Wolvehampton, Prof Ian Orkes dan Pengarah Pejabat Antarabangsa universiti berkenaan, Jo Gittens di Bilik Mesyuarat Seminar

UMSKAL, kelmarin.

Turut hadir Timbalan-timbalan Dekan SSIL, Dr Zamhar Ismail dan Ryan Andrias serta Timbalan Dekan SPKAL, Rushdan Yasoa. Hadir sama ketua-ketua program SPKAL dan SSIL.

Geoffrey berkata lebih membanggakan Naib Canselor UMS, Prof

Datuk Dr Mohd Harun Abdullah merupakan alumni Universiti Wolvehampton.

Antara perkara yang dibincangkan termasuk pengurusan program industri minyak dan gas, mobiliti pelajar dan staf, penyelidikan bersama, penyeliaan Phd bersama UMS dan UW serta Kewangan Islam untuk

membangunkan program di bawah Universiti Wolvehampton dengan bantuan SPKAL.

Ketika ini, SPKAL mempunyai 36 pensyarah yang mengajar 1,816 pelajar manakala SSIL seramai 25 pensyarah dengan 450 pelajar termasuk pelajar antarabangsa dari China, Tanzania dan Turki.

GEOFFREY menyampaikan cenderamata kepada **Ian** selepas mengadakan perbincangan dua hala antara kedua-dua universiti di UMS Labuan.